

TEMA
5

UNIT
13

MS
94

TATABAHASA
SURI TELADAN

KATA MAJMUK MANTAP

Kata majmuk mantap ialah dua perkataan yang ditulis secara bercantum. Contoh: sukarela, tanggungjawab, kerjasama, olahraga, jawatankuasa, setiausaha, antarabangsa, matahari, kakitangan, warganegara,.

AKTIVITI 1 Lengkapkan kata majmuk mantap di bawah dengan jawapan yang paling sesuai

<u>sukarela</u>	<u>antarabangsa</u>	<u>olahraga</u>	<u>pesuruhjaya</u>	<u>tandatangan</u>			
<u>dinihari</u>	<u>tanggungjawab</u>	<u>dukacita</u>	<u>jawatankuasa</u>	<u>kakitangan</u>			
suka	rela	=	sukarela	duka	cita	=	dukacita
	kuasa	=			tangan	=	
tanda		=		olah		=	
	jawab	=		dini		=	
	bangsa	=			jaya	=	

AKTIVITI 2 Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Zara murid kelas 4 Wira. Dia memberikan kerjasama kepada rakan-rakan sekelasnya semasa menjalankan perbincangan.

Zara selalu membantu masyarakat secara _____. Dia membantu orang buta melintas jalan. Zara murid yang cergas. Dia berjaya menyertai sukan _____ sehingga peringkat antarabangsa.

Zara juga murid yang rajin. Dia telah menjalankan tugas sebagai seorang _____ Kelab Bahasa Melayu di sekolahnya. Zara prihatin dengan rakan-rakan di sekolah. Dia menjalankan _____ merawat murid yang tercedera ketikabersukan.